

24/02/2003

Usaha pertingkat hubungan dua hala, ekonomi dibincang

SIDANG Kemuncak NAM ke-13 turut menjadi forum membincangkan pelbagai kaedah meningkatkan hubungan dua hala antara negara tertentu, terutama berhubung isu imigresen dan cara merencanakan lagi kegiatan ekonomi anggota.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kebanyakan negara dunia ketiga mahu kerajaan serta sektor swasta tempatan menyertai usaha sama membangunkan ekonomi masing-masing selain bertukar kepakaran dalam bidang tertentu.

"Dalam semua kunjungan hormat yang saya terima sempena NAM, hampir kesemua negara menaruh harapan tinggi terhadap sidang ini dan Malaysia bagi meningkatkan kerjasama dua hala ekonomi dan mahu meneroka bidang baru untuk kepentingan bersama.

"Tidak kurang juga yang mahukan forum ekonomi sempena NAM yang pertama kali diperkenalkan, diteruskan pada sidang akan datang," katanya selepas menerima kunjungan hormat Menteri Luar Eritrea dan Nepal, semalam.

Menteri Luar Eritrea, Ali Said Abdella, antara lain meminta bantuan Malaysia membangunkan sektor pertanian, pelancongan, perikanan dan perlombongan minyak di negaranya, yang sekian lama terbantut kerana masalah politik dalaman.

Beliau juga meminta Syed Hamid menimbangkan penempatan Kedutaan Malaysia di negara itu, yang kini diuruskan oleh Kedutaan Malaysia di Yaman manakala duta Eritrea yang berpusat di Beijing, China pula bertanggungjawab menguruskan isu membabitkan Malaysia.

Syed Hamid menjelaskan, Eritrea banyak mengimport perabot buatan Malaysia dan potensi kerjasama ekonomi dalam bidang lain masih banyak lagi.

Menteri Luar Nepal, Narendra Bikram Shah, turut meminta Malaysia menempatkan kedutaannya di negara itu bagi memudahkan urusan memohon visa kira-kira 100,000 rakyatnya yang bekerja di sini supaya mereka tidak perlu lagi bergantung kepada Kedutaan Malaysia di New Delhi, India.

Katanya, Nepal juga bercadang menaik taraf konsul kehormatannya di sini menjadi Suruhanjaya Tinggi sebagai langkah membuka ruang bagi mempelbagaikan potensi usaha sama dengan Malaysia dan satu pejabat sementara akan dibuka dalam masa terdekat.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata negara anggota NAM hanya menguasai 14 peratus daripada pasaran serta kegiatan ekonomi antarabangsa dan jumlah itu masih terlalu kecil untuk mendapat perhatian kuasa besar.